

07/08/2003

Polis sahkan tidak ada menteri sertai PKPM

Saufi Hamzah

GEORGETOWN: Polis mengesahkan tiada menteri Kabinet terbabit dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Salleh Mat Som, berkata siasatan polis ke atas dakwaan Ketua Turus Umum Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Staff Marshal Munsyi Muslim Yacob, mendapati ia tidak betul.

"Pengesahan itu dibuat selepas pegawai dari Cawangan Siasatan Jenayah Perdagangan menemuduga Munsyi, kelmarin.

"Sejak kelmarin, kita buat penyiasatan termasuk menemuduga Munsyi dan tidak ada keterangan yang menjurus kepada mana-mana menteri. Sah tiada menteri terbabit, saya boleh sahkan itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Jabatan Siasatan Jenayah di Hotel City Bayview di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Polis negeri, Datuk Othman Talib dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner II Abdul Rahim Jani.

Salleh diminta mengulas perkembangan siasatan polis terhadap dakwaan Ketua Turus Umum PTCM itu yang mendakwa mempunyai maklumat dan bukti bertulis yang cukup berhubung dakwaannya mengenai pembabitan seorang menteri Kabinet dalam PKPM.

Selain maklumat dan bukti bertulis, Munsyi mendakwa mempunyai saksi daripada kalangan agensi kerajaan yang bersedia memberi kenyataan bagi membuktikan kebenarannya.

Salleh berkata, laporan terakhir yang diterimanya menyatakan Munsyi tidak dapat mengesahkan tuduhan atau sebarang kenyataan yang dibuatnya dalam akhbar.

"Macam mana nak kata fitnah, kalau fitnah... kalau dia mengaku dia bercakap, tapi dia kata dia tidak cakap," katanya.

Salleh berkata, polis juga perlu meneliti sama ada kenyataan akhbar itu dibuat hasil temuduga dengan Munsyi.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Munsyi membuktikan dakwaannya bahawa ada kalangan menteri Kabinet terbabit dalam PKPM.

Sambil menyifatkan dakwaan itu serius, Dr Mahathir menegaskan kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atasnya sekiranya dia gagal membuktikan dakwaan itu.